

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA  
PEJABAT BENDAHARI**

---

UTHM.PB/100-6/4/( 17 )

05 Ogos 2008

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 11/2008**

**Semua Pengurus Bahagian**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**SKIM PENGHARGAAN PELAJAR UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**1.0 TUJUAN**

Adalah dimaklumkan bahawa tujuan pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk menerangkan dengan jelas berkenaan Skim Penghargaan Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Universiti ini sentiasa berusaha menggalakkan penglibatan para pelajar dalam aktiviti-aktiviti yang dapat membentuk jati diri, meningkatkan Kemahiran Insaniah, bersahsiah murni seterusnya mampu menjadi graduan yang berketrampilan dan memenuhi kehendak pasaran
- 2.2 Pelbagai aktiviti yang disertai oleh pelajar seperti aktiviti sukan, kebudayaan, debat, pertandingan berbentuk akademik, kemahiran dan sebagainya serta dianjurkan di pelbagai peringkat seperti di peringkat kebangsaan, antara Institusi Pengajian Tinggi dan di peringkat antarabangsa
- 2.3 Dalam usaha mencapai taraf universiti bertaraf dunia menjelang tahun 2013, penglibatan para pelajar dalam aktiviti-aktiviti di peringkat antarabangsa perlu dipergiatkan dan berusaha mensasarkan kejayaan dalam setiap penyertaan tersebut
- 2.4 Pada ketika ini, pelajar yang berjaya memperoleh kejayaan dalam aktiviti-aktiviti yang disertai di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah

diraikan dalam Majlis Malam Anugerah Pelajar dan penghargaan yang diberikan adalah dalam bentuk sijil penghargaan dan piala iringan.

- 2.5 Kejayaan yang berjaya dicapai oleh pelajar dalam aktiviti-aktiviti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa perlu diberikan pengiktirafan yang lebih tinggi untuk menggalakkan penyertaan pelajar serta menjadi dorongan untuk mereka mencapai hasil yang terbaik.
- 2.6 Pengiktirafan sedia ada pada ketika ini perlu dipertingkatkan dalam usaha menambahbaik sistem pengiktirafan yang diamalkan dengan menubuhkan Skim Penghargaan Pelajar untuk menyokong usaha pelajar terlibat aktif dalam pelbagai aktiviti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

### **3.0 SKIM PENGHARGAAN PELAJAR**

Skim Penghargaan Pelajar yang dapat meningkatkan kecemerlangan penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti perincian berikut :

#### **3.1 PERINGKAT PENGANJURAN YANG LAYAK MENERIMA SKIM PENGHARGAAN**

- 3.1.1 Peringkat Antarabangsa
- 3.1.2 Peringkat Kebangsaan
- 3.1.3 Peringkat Universiti iaitu Malam Anugerah Pelajar

#### **3.2 BENTUK PENGHARGAAN**

- 3.2.1 Wang tunai
- 3.2.2 Pengecualian yuran penginapan
- 3.2.3 Sijil Penghargaan
- 3.2.4 Piala iringan

#### **3.3 BENTUK AKTIVITI**

- 3.3.1 Sukan
- 3.3.2 Kebudayaan
- 3.3.3 Akademik (seperti Pertandingan Robocon & Pertandingan Debat )
- 3.3.4 Lain-lain pertandingan yang diiktiraf oleh pihak Universiti

**3.4 JADUAL SKIM PENGHARGAAN PELAJAR**

Rujuk Lampiran 1

- 3.5** Seseorang pelajar layak dipertimbangkan untuk menerima lebih dari 1 anugerah berdasarkan pencapaian yang diperolehinya.

**4.0 Kuatkuasa Pekeliling**

Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Kerjasama daripada YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkannya kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"**

Yang benar,



**ABU BAKAR BIN HUSSAIN**

Bendahari

☎ : Samb. 7050

- s.k - YBhg. Pemangku Naib Canselor  
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni)  
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa)  
- Ketua Unit Audit Dalam

*Lampiran 1*

**JADUAL SKIM PENGHARGAAN PELAJAR  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

BIL	PERINGKAT PENGANJURAN	PENCAPAIAN	BENTUK PENGLIBATAN	SKIM PENGHARGAAN
1.	Antarabangsa	Tempat Pertama	Individu & Berkumpulan	* Wang Tunai RM 1000.00 * Pengecualian yuran penginapan di Kolej Kediaman selama dua semester * Piala iringan * Sijil penghargaan
2.	Antarabangsa	Tempat Kedua	Individu & Berkumpulan	* Wang Tunai RM 750.00 * Pengecualian yuran penginapan di Kolej Kediaman selama satu semester * Piala iringan * Sijil penghargaan
3.	Antarabangsa	Tempat Ketiga	Individu & Berkumpulan	* Wang Tunai RM 500.00 * Pengecualian yuran penginapan di Kolej Kediaman selama satu semester * Piala iringan * Sijil penghargaan
4.	Kebangsaan	Tempat Pertama	Individu & Berkumpulan	* Wang Tunai RM 500.00 * Pengecualian yuran penginapan di Kolej Kediaman selama satu semester * Piala iringan * Sijil penghargaan

**BEN – PKL (11/2008)D**

5.	Kebangsaan	Tempat Kedua	Individu & Berkumpulan	* Wang tunai RM 250.00 * Sijil penghargaan * Piala iringan
6.	Malam Anugerah Pelajar Universiti - Anugerah Kelab Terbaik - Anugerah Pasukan Sukan Terbaik - Anugerah Pasukan Kebudayaan Terbaik	Tempat Pertama	Berkumpulan	* Wang Tunai RM 500 * Piala iringan * Sijil penghargaan
7.	Malam Anugerah Pelajar Universiti - Lain-lain kategori	Tempat Pertama	Individu dan Berkumpulan	<b>* <i>Wang Tunai RM200 untuk individu</i></b> <b>* <i>Wang Tunai RM300 untuk berkumpulan</i></b> * Piala Iringan * Sijil Penghargaan